

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kenaikan hutang Kerajaan dari 1 Mac 2020 hingga sekarang. Kepada siapa penambahan hutang-hutang tersebut terhutang, (senaraikan nama dan jumlah bagi setiap kes).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga akhir-Mac 2020, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah RM823.8 bilion atau 57.2% daripada KDNK. Manakala, sehingga akhir-September 2020, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada RM874.3 bilion atau 60.7% daripada KDNK. Peningkatan hutang ini adalah setelah mengambilkira pinjaman kasar sebanyak RM108.2 bilion merangkumi pembiayaan semula kertas hutang yang matang berjumlah RM56.8 bilion dan pinjaman bersih sebanyak RM51.4 bilion digunakan bagi membiayai defisit dalam tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara umumnya, 76% daripada hutang Kerajaan Persekutuan merupakan pemegang domestik dan selebihnya adalah pemegang asing. Sehingga akhir-Jun 2020, pemegang oleh pelabur/institusi domestik dalam hutang Kerajaan Persekutuan meliputi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (26.9%), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) (2.8%), syarikat insurans (4.3%), institusi perbankan (34.6%), institusi kewangan pembangunan (1.5%) dan lain-lain (5.7%). Pemegang oleh bukan pemastautin pula adalah sebanyak 24.2% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan.

3. Selain itu, 96.7% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah hutang domestik dan bakinya adalah pinjaman luar pesisir. Oleh itu, risiko hutang Kerajaan terhadap perubahan tukaran asing adalah terkawal. Tambahan pula, purata tempoh matang hutang Kerajaan adalah 8.6 tahun pada 2020 (2019: 8.1 tahun), menunjukkan risiko pembiayaan semula hutang Kerajaan yang terurus.